



**Sinar Harian**  
**13/10/2011**  
**Page: 55**  
**Section: Letters**  
**Region: Selangor Circulation: 100000**  
**Type: Malaysia - Malay Newspapers**  
**Size: 31.00 sq.cms**  
**Frequency: MTWTF**

## Selaraskan kadar faedah PTPTN

KENAPA tidak diselaraskan sahaja kadar faedah pembiayaan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada satu peratus? Tidak perlulah isi berbelai-belai borang dan mengikuti banyak prosedur lain semata-mata untuk menukar kadar faedah tiga peratus kepada satu peratus. Biar pun lepasan universiti, tidak semestinya graduan itu dapat memiliki kerja dan gaji sesuai dengan kelulusan yang mereka ada. Kadar faedah sekarang pada saya, agak membebankan. - **BEKAS GRADUAN**



**KENYATAAN AKHBAR  
PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL  
(PTPTN)**

**SELARASKAN KADAR FAEDAH PTPTN**

Aduan daripada BEKAS GRADUAN melalui akhbar Sinar Harian bertarikh 13 Oktober 2011 mengenai “Selaraskan Kadar Faedah PTPTN” adalah dirujuk.

Untuk makluman, pertukaran kepada Ujrah tidak dibuat secara automatik kerana ia melibatkan dua konsep yang berbeza iaitu daripada konsep konvensional kepada konsep yang berlandaskan syariah. Oleh itu perjanjian bagi pertukaran kepada pembiayaan Ujrah ini adalah merupakan satu perjanjian yang baru dan dokumen tawaran berkenaan hendaklah dilengkapkan oleh peminjam bagi memenuhi keperluan undang-undang. Peminjam perlu membaca dan memahami terma-terma perjanjian. Walau bagaimanapun, maklumat yang perlu dilengkapkan hanyalah sedikit sahaja. Kaedah ini turut dilaksanakan oleh bank kepada para peminjamnya bagi kes yang serupa kerana ia merupakan dokumen perjanjian di antara kedua pihak.

Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman web [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) atau menghubungi talian Hotline PTPTN di 03-2080 4455.

Sekian, terima kasih.

Rina binti Abd Rahman  
Pegawai Perhubungan Awam, PTPTN